

041-Tahap Pengetahuan dan Amalan Agama Pelajar Universiti: Kajian Kes Kolej Poly-Tech MARA Bangi

***¹Elmi Baharuddin**

¹Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

*Email: elmi@upnm.edu.my

²Mohd Nazir Mat Yunoh

²Kolej Poly-Tech MARA Bangi

Email: nazir@gapps.kptm.edu.my

ABSTRAKS

Islam melihat pengetahuan agama dan amalan agama adalah seiring sejalan dalam pelaksanaan sesuatu amalan. Allah mengangkat darjat orang berilmu ke beberapa darjat disebabkan banyak kelebihan orang berilmu dengan yang tidak berilmu. Justeru pengetahuan agama adalah prasyarat penerimaan amalan dalam Islam yang terbaik. Bagi pelajar universiti, tahap pengetahuan agama menjadi pengukur terhadap amalan agama seseorang. Persoalannya, bagaimana tahap pengetahuan agama dan amalan agama bagi pelajar universiti. Justeru, untuk menjawab persoalan ini, kajian kes terhadap pelajar baharu di Kolej Poly-Tech MARA Bangi telah dilakukan. Seramai 400 orang daripada 1300 responden yang terdiri dari pelajar semester satu yang dipilih secara rawak. Soal selidik yang dibina merangkumi bahagian latarbelakang responden, bahagian pengetahuan agama, bahagian amalan agama dan bahagian sikap pelajar yang dianalisa secara deskriptif dengan menggunakan 5 skala Likert. Hasil nilai alpha Cronbach iaitu ilmu pengetahuan 0.821 dengan 24 soalan, amalan agama 0.841 dengan 15 soalan dan sikap 0.760 dengan 10 soalan. Hasil kajian mendapati pelajar KPTM Bangi mempunyai tahap pengetahuan agama yang sangat baik (88.75%), amalan agama yang sangat baik (56%) dan sikap yang baik (72.5%). Justeru, tahap pengetahuan agama yang baik menjadikan seseorang melakukan amalan agama yang baik.

Kata Kunci: Pengetahuan agama; amalan agama; pengajian Islam; KPTM Bangi

PENDAHULUAN

Abad ke-21 merupakan manifestasi kecemerlangan dalam dunia ilmu pengetahuan. Namun begitu, cabaran dan halangan yang berlaku menyebabkan nilai keislaman dan ketuhanan dalam diri semakin pudar. Hal ini lebih-lebih lagi dengan pelbagai fenomena pasca modernisma menyebabkan pelbagai alasan dan sebab meninggalkan ajaran agama dalam kehidupan. Terutamanya kepada golongan Y suka berhibur dan kurang memikirkan masa hadapan mereka. Generasi Y merupakan generasi yang terbanyak mengikuti perkembangan teknologi, budaya, minda dan emosi. Amalan agama merupakan teras dalam pembinaan tamadun manusia. Manusia yang beragama merupakan manusia yang ada matlamat dan halatuju kehidupan. Menurut Sayid Sabiq (1982) menjelaskan agama mempunyai suatu kekuasaan yang tertinggi yang bermula dari hati dan jiwa serta memberikan kesan yang mendalam terhadap perasaan seseorang dalam bentuk amalan.

Menurut Yusuf Al-Qardawi (1999) menjelaskan orang yang mempunyai agama, nilai dan adab adalah mereka yang bertamadun. Menurut Kamarul Azmi et al. (2004) menjelaskan terdapat dalam

kalangan remaja Islam hari ini jahil berkaitan dengan tanggungjawab terhadap agama kerana mereka kurang mempunyai pengetahuan agama yang sempurna. Malah terdapat ibu bapa yang memahami ajaran Islam, namun masih tidak mengamalkan dalam kehidupan seharian (Abdullah Mohd. Zin 2000). Selain itu, terdapat juga dalam kalangan remaja yang tidak mendapat pengalaman agama di rumahnya yang menyebabkan mereka mempunyai sikap sambil lewa terhadap agama (Zawawi Ahmad 1996). Hasil kajian yang dijalankan oleh Sarijah Abdul Salim (2002) yang mendapati bahawa remaja masa kini kurang mengamalkan perkara perkara sunat dalam kehidupan seharian mereka. Justeru, menurut al-Nawawi (1983) bagi melahirkan insan yang sempurna memerlukan mereka yang beramal dalam perkara wajib, sunat, beradab dan sempurna dalam kehidupan.

Selain itu, Zainab et al. (2011) dan Zainab et al. (2012) dalam kajiannya juga menunjukkan pengetahuan agama warga tua merupakan salah satu indikator yang penting kepada warga tua dalam menentukan masa depan dengan cara beramal dalam usia tua. Bahkan Elmi (2013), Elmi & Zainab (2013; 2014; dan 2015) juga mendapati pengetahuan agama mempunyai kaitan dengan kerohanian dalam bentuk pengamalan dalam kehidupan seseorang. Bahkan amalan agama dalam Islam merupakan antara tujuan penciptaan manusia dan jin. Masyarakat yang tidak mengambil berat masalah agama dalam kehidupan akan berhadapan dengan masalah lain seperti masalah hati, emosi dan pengetahuan agama.

Menurut al-Nawāwi (1989) syariat Allah adalah meliputi amalan agama yang zahir dan batin daripada urusan keimanan dan pekerjaan anggota badan hingga urusan keikhlasan hati, batin dan pengawasan daripada bencana yang merosakkan amalan agama itu sendiri. Selain itu, Nabi telah bersabda tentang amalan agama dalam Islam seperti dalam Hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhāri:

Dari Ibn Umar telah berkata: Rasulullah telah bersabda: Tertegaknya Islam dengan lima perkara; bersaksi tidak ada Tuhan melainkan Allah, dan Muhammad adalah utusan Allah, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, melaksanakan haji dan berpuasa di bulan Ramadhan.

Menurut al-Nawāwi (1989) maksud Hadis ini sangat besar nilainya kerana ia menjelaskan dasar-dasar agama dan asas-asas hukum Islam. Beliau menjelaskan Islam terdiri daripada lima rukun dan menjadi fardu ain yang diwajibkan ke atas orang Islam mengerjakannya. Maka dalam konteks kajian ini dapat dirumuskan bahawa amalan agama dalam konteks kajian ini meliputi perkara yang wajib dan sunat dalam Islam. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis tahap pengetahuan pelajar Universiti yang tinggal di Kolej Poly-Tech MARA, Bangi dalam aktiviti agama.

METODOLOGI KAJIAN

Rekabentuk yang dipilih dalam kajian ini ialah kajian tinjauan. Kawasan yang dipilih dalam kajian ini ialah Kolej Poly-Tech MARA (KPTM) yang terletak di Bangi, Negeri Selangor. Ia merupakan sebuah institusi pengajian tinggi swasta yang memberi perkhidmatan pendidikan di negeri Selangor. Sampel yang dipilih dalam kajian ini adalah terdiri daripada pelajar baru semester satu yang tinggal di KPTM, Bangi, Selangor. Sewaktu kajian ini dilakukan, terdapat seramai 1300 orang pelajar baru yang belajar di KPTM. Seramai 400 orang daripada 1300 pelajar baru semester satu di KPTM Bangi telah dipilih sebagaimana sampel dalam kajian ini.

Mereka terdiri daripada pelajar yang beragama Islam dan berumur antara 19 hingga 26 tahun. Mereka dipilih secara rawak mudah. Sebelum kajian ini dilakukan ke atas 400 orang pelajar di KPTM, kajian ini telah memilih 50 orang pelajar lain daripada KPTM itu sendiri. Tujuannya ialah untuk menentukan *reliability* atau mendapatkan kebolehpercayaan instrumen yang digunakan dalam kajian ini.

Data yang dikumpul dalam kajian ini ialah data primer dan sekunder. Data primer dalam kajian ini diperolehi melalui soal selidik, temu bual tidak berstruktur dan pemerhatian. Manakala data sekunder diperolehi melalui analisis kandungan yang dilakukan ke atas buku, jurnal, tesis, latihan ilmiah, majalah popular dan akhbar. Data yang diperolehi melalui soal selidik dalam kajian ini dianalisis dengan menggunakan dua pendekatan iaitu teknik statistik deskriptif dan teknik statistik inferensi. Data yang diperolehi melalui temu bual tidak berstruktur, pemerhatian dan analisis kandungan dalam kajian ini dianalisis secara deskriptif.

Bagi tujuan penganalisan data menggunakan teknik statistik deskriptif dan teknik statistik inferensi, kajian ini menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences (SPSS)* sebagai alat penganalisan data. Sebelum memulakan penyelidikan tinjauan ke atas 400 orang responden, seramai 50 orang responden telah dipilih secara rawak untuk menjalani kajian rintis (*pilot study*). Data yang diperolehi daripada kajian rintis tersebut dianalisis dengan menggunakan '*reliability analysis*'. Secara keseluruhannya, hasil analisis kajian ini mendapati indeks kebolehpercayaan instrumen soal selidik yang disediakan adalah tinggi iaitu $\alpha = 0.880$. Secara khususnya, hasil analisis kajian ini mendapati indeks kebolehpercayaan instrumen soal selidik yang disediakan untuk mengenalpasti pengetahuan agama adalah tinggi iaitu $\alpha = 0.821$. Begitu juga indeks kebolehpercayaan untuk penyertaan aktiviti agama $\alpha = 0.680$.

HASIL KAJIAN

Hasil kajian ini adalah seperti berikut:

Latarbelakang Responden

Bilangan responden lelaki dan perempuan seperti dalam jadual berikut;

Jantina	N	%
Perempuan	287	71.8
Lelaki	113	28.2
Jumlah	400	100.0

Jadual 1: Jantina pelajar semester baru di KPTM Bangi

Bilangan jantina responden lelaki dan perempuan mengikut negeri seperti berikut;

	Perempuan	Lelaki	N	%
Negeri Selangor	79	36	115	28.8

Kuala Lumpur	53	12	65	16.3
Negeri Sembilan	16	8	24	6.0
Sarawak	2	2	4	1.0
Kedah	11	4	15	3.8
Penang	11	5	16	4.0
Pahang	7	0	7	1.8
Putrajaya	0	1	1	0.3
Melaka	16	2	18	4.5
Kelantan	10	3	13	3.3
Terengganu	9	4	13	3.3
Johor	41	18	59	14.8
Perak	28	16	44	11.0
Sabah	4	0	4	1.0
Perlis	0	2	2	0.5
Jumlah	287	113	400	100

Jadual 2: Jantina pelajar semester baru di KPTM Bangi mengikut negeri

Umur responden kajian seperti dalam jadual berikut;

Umur	N	%
18	373	93.3
19	17	4.3
20	10	2.4
Jumlah	400	100.0

Jadual 3: Umur pelajar semester baru di KPTM Bangi

Taburan bangsa responden seperti berikut;

Bangsa	N	%
Melayu	398	99.4
Iban	1	0.3
Bajau	1	0.3
Jumlah	400	100.0

Jadual 4: Bangsa pelajar semester baru di KPTM Bangi

Jenis sekolah responden seperti berikut;

Jenis Sekolah	Ilmu Pengetahuan				Amalan Agama				Sikap/ Nilai-Nilai Moral				Jumlah Pelajar
	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	

SMK	38	300	1	10	140	187	5	77	240	16	338 (84.5%)
SMA		12			1	11			12		12 (3%)
Convent		9			4	5			9		9 (2.3%)
Vokasional & Teknik	7	25		3	14	15	2	6	21	3	32 (8%)
MRSM		6				6			6		6 (1.5%)
SBP & Maktab		3			1	2			3		3 (0.8%)

Jadual 5: Jenis sekolah pelajar semester baru di KPTM Bangi

Nota: 1- tidak memuaskan 2- memuaskan 3- baik 4- sangat baik

Secara keseluruhan, latar belakang responden kajian menjelaskan bilangan pelajar mengikut jantina, umur, negeri dan jenis sekolah dengan tahap ilmu pengetahuan, tahap amalan agama dan sikap. Sebanyak 71.8 peratus responden adalah perempuan dan 28.3 peratus adalah lelaki, majoriti berumur 18 tahun dan berbangsa melayu. Secara purata ilmu pengetahuan bagi semua jenis sekolah adalah baik dan sangat baik. Bagi amalan agama pula, jenis sekolah menengah kebangsaan agak kurang memuaskan berbanding jenis sekolah lain. Bagi sikap, jenis sekolah menengah kebangsaan dan vokasional dan teknik sangat tidak memuaskan berbanding jenis sekolah lain.

Nilai Alpha Cronbach Pengetahuan Agama

Tahap nilai alpha Cronbach seperti berikut;

	Nilai Alpha Cronbach	Bilangan
Ilmu Pengetahuan	0.821	24
Amalan Agama	0.840	15
Sikap Atau Nilai-Nilai Moral	0.760	10

Jadual 6: Alhpa Cronbach pengetahuan agama responden

Berdasarkan jadual 6, pengetahuan remaja tentang Agama Islam menunjukkan nilai Alpha Cronbach paling tinggi (0.821), diikuti amalan agama dalam Islam (.840) dan sikap atau nilai-nilai moral (.760).

Tahap Pengetahuan Agama, Amalan Agama dan Sikap

Tahap ilmu pengetahuan, amalan agama dan sikap responden mengikut skala *likert* daripada borang soal selidik seperti berikut;

Tahap	Ilmu pengetahuan	Amalan agama	Sikap/nilai moral
-------	------------------	--------------	-------------------

Sangat baik	355 (88.75%)	224 (56%)	19 (4.75%)
Baik	45 (11.25%)	162(40.5%)	290 (72.5%)
Sederhana	0	13(3.25%)	84(21.0%)
Kurang memuaskan	0	1(0.25%)	7(1.75%)
Jumlah	400	400	400

Jadual 7: Tahap ilmu pengetahuan, amalan agama dan sikap

Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan responden mempunyai pengetahuan agama yang sangat baik, amalan agama dan sikap yang baik dari keseluruhannya responden. Bagi tahap sangat baik (sangat setuju) merujuk kepada pelajar yang menjawab skala *likert* 5 iaitu sangat baik, bagi tahap baik (setuju) adalah skala *likert* 4, bagi tahap sederhana (tidak pasti) adalah skala *likert* 3, bagi tahap kurang memuaskan adalah skala *likert* 2 dan 1 (tidak setuju dan sangat tidak setuju). Sebanyak 24 soalan yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan agama Islam, 15 soalan yang berikatan dengan amalan agama dan 10 soalan yang berkaitan dengan sikap atau moral.

Berdasarkan jadual 7 di atas, tahap ilmu pengetahuan berkaitan agama Islam adalah sangat baik iaitu seramai 355 orang responden (88.75%) manakala yang menjawab baik seramai 45 orang responden (11.25%). Hal ini menunjukkan kesemua responden mempunyai tahap pengetahuan agama yang sangat baik. Sementara itu, bagi tahap amalan agama mereka adalah sangat baik iaitu seramai 224 orang responden (56%), tahap amalan agama yang baik iaitu seramai 162 orang responden (40.5%), bagi tahap sederhana pula iaitu seramai 13 orang responden (3.25%) dan bagi tahap kurang memuaskan seramai seorang responden (0.25%). Hal ini menunjukkan tahap amalan agama adalah baik melebihi 50 peratus dalam lingkungan sangat baik.

Manakala sikap atau nilai-nilai moral remaja adalah sangat baik (4.75%), baik(72.5%), sederhana (21%) dan kurang memuaskan (1.75%). Secara keseluruhan mereka mempunyai ilmu pengetahuan yang baik dan sangat baik tetapi mereka mungkin tidak praktikan dalam amalan agama dan sikap/moral mereka dalam kehidupan seharian. Sikap atau nilai-nilai moral mereka amat rendah, adalah berkemungkinan disebabkan faktor latarbelakang yang berbeza. Kajian ini memberi tumpuan kepada tiga aspek penting iaitu tahap ilmu pengetahuan agama, tahap amalan agama dan tahap sikap atau nilai-nilai moral kajian. Setiap tahap terbahagi kepada akidah, ibadah dan akhlak.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, pelajar Universiti perlu melakukan amalan agama berdasarkan ilmu pengetahuan agama yang mereka miliki. Kehidupan beragama adalah perlu dan penting dalam membina masyarakat Islam yang terbaik dari aspek ilmu dan amal. Pepatah mengatakan ilmu tanpa amal ibarat pokok tidak berbuah. Hal ini bermaksud sesuatu ilmu tidak dapat memberi manfaat dalam diri seseorang jika tidak mengamalkan apa yang mereka ketahui. Justeru, kajian ini perlu diteruskan demi kelestarian ilmu dan amal yang seimbang dalam kehidupan beragama. Maka sebagai individu perlu untuk beramal demi kelangsungan sebagai hamba Allah yang bertaqwa kepada-Nya.

RUJUKAN

- Abdullah Mohd. Zin. 2000. Pendidikan Dakwah Islamiah di Malaysia: Masalah dan Prospek. Bengkel Pendidikan Islam Malaysia.
- al-Bukhāri, Muhammad bin Ismā'īl. 2000M/1420H. *Sahih al-Bukhāri*. Juz 1, 2, 3 dan 4. al-Qāhirah: Dār al-Hadis.
- Elmi Baharuddin & Zainab Ismail. 2013. Hubungan Kecerdasan Ruhaniah dan Amalan Agama Warga

- Tua di Rumah Kebajikan. *Journal Islamiyyat*. 35: 19-28.
- Elmi Baharuddin & Zainab Ismail. 2014. Definisi dan Konsep Kecerdasan Ruhaniah Menurut Perspektif Sarjana Islam. *Jurnal Penyelidikan JAKIM*. 27: 44-57.
- Elmi Baharuddin & Zainab Ismail. 2015. Matlamat Kecerdasan Ruhaniah Menurut Perspektif Islam. *Jurnal Hadhari*. Vol: 7: 1.
- Elmi Baharuddin. 2007. Penyertaan Warga Tua Rumah Seri Kenangan Cheras dalam Aktiviti Agama. Degree Thesis, Fakulti Islamic da'wah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Elmi Baharuddin. 2013. Kecerdasan Ruhaniah dan Amalan Agama Warga Tua di Rumah Kebajikan. Doctorate of Philosophy thesis, the Faculty of Islamic Studies. Bangi: The National University of Malaysia.
- Kamarul Azmi B. Jasmi, Norinah bt. Kinan, Siti Fauziyani bt. Md Saleh @ Masrom & Mohd Ismail b. Mustari. 2004. Tahap Pengamalan Tatacara Kehidupan Beradab Dalam Islam di Kalangan Mahasiswa Islam Tahun Empat, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. Dalam; *International Seminar on Islamic Thoughts Proceedings*, Editor: Ahmad Sunawari Long, Jaffary Awang & Kamaruddin Salleh: 7-9 Disember (831-838)
- al-Nawāwi, Muhy al-Din Abu Zakariyya Yahya Sharif. 1989. *Hadis Empat Puluh*. Terj: Mustafa Abdul Rahman. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.
- al-Nawawi. 1983. *Riyad al-Salihin*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Sarijah Abdul Salim. 2002. Faktor-Faktor Pembentukan Akhlak Dalam Peribadi Remaja: Satu Kajian ke Atas Pelajar Muslim Tahun Satu, Kolej Tun Razak, UTM. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.
- Sayid Sabiq. 1982. *Aqidah Islam*. Terjemahan oleh Moh Abdai Rathomy. Edisi Ke 3. Jawa Barat: Ikatan Penerbit Indonesia.
- Yusuf Al-Qardawi. 1999. *Umat Islam Menangani Cabaran dan Tentangan Zaman*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publisher.
- Zainab Ismail, Wan Ibrahim Wan Ahmad, Elmi Baharuddin. 2012. Religious participations Among the Older Persons in Malaysia. *Advances in Natural and Applied Sciences Journal* (6 (3), 388-391)
- Zainab Ismail, Wan Ibrahim Wan Ahmad, Siti Rugayah Tibek, Ideris Endot, Md. Fariza. Sham & Elmi Baharuddin. 2011. Komitmen Warga Tua dalam Aktiviti Agama: Kes Warga Tua Rumah Seri Kenangan Cheras, Selangor. *Jurnal Pembangunan Sosial*. 14: 125-137.
- Zawawi Ahmad. 1996. *Sains dalam Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.